

SUKATAN PEPERIKSAAN MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED M41

UJIAN PSIKOMETRIK KAE DAH PENILAIAN

- SPA menggunakan kaedah penilaian yang holistik bagi tujuan menilai aspek sikap, pengetahuan, kompetensi, kemahiran serta personaliti calon-calon untuk menentukan kesesuaian individu bagi tujuan lantikan sesuatu jawatan. Di antara kaedah ujian yang digunakan adalah ujian psikometrik, ujian pengetahuan dan kemahiran kerja, ujian kompetensi serta temu duga.

KRITERIA PENILAIAN

- Bagi konsep ujian psikometrik (penilaian personaliti/kompetensi), ia direkabentuk untuk mengukur trait-trait individu berdasarkan keserasian individu terhadap pekerjaan (*job-fit*), organisasi (*organizationfit*) serta sifat kerja berpasukan (*team-fit*).
- Data-data penilaian diperolehi melalui kaedah laporan kendiri (*self-report*) iaitu individu perlu menjawab jujur dan memberikan jawapan yang paling tepat mengenai dirinya. Kaedah ini sama dengan proses temu duga berdasarkan kompetensi, cuma yang membezakannya ialah penemuduga akan menyatakan secara verbal kepada calon dengan menggunakan soalan-soalan yang piawai yang telah disediakan, manakala ujian psikometrik meminta calon sendiri menjawab secara laporan kendiri (*self-report*) dengan memberikan respon kepada soalan-soalan atau kenyataan yang telah disediakan secara paparan komputer.
- Melalui respon atau jawapan yang telah diberikan oleh calon, sistem komputer akan memproses dan menganalisis data-data jawapan untuk dipadankan dengan kesesuaian seseorang calon dengan ciri-ciri dan kompetensi yang piawai pada sesuatu jenis jawatan.

Sukatan Peperiksaan *Online* Memasuki Skim Perkhidmatan Awam ini adalah tertakluk kepada perubahan dan keperluan semasa kementerian/jabatan terlibat.